

Soalan No:28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)**  
**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perbelanjaan pembangunan dan pengurusan Kementerian Pendidikan yang telah diperuntukkan di Sarawak dalam tahun 2017. Apakah peratusan angka ini berbanding dengan keseluruhan perbelanjaan Kementerian dalam tahun 2017

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan sebanyak RM4.48 bilion peruntukan pengurusan dan pembangunan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak.

Peruntukan ini merangkumi pecahan seperti berikut:

1. Sebanyak RM3,993,310,224.00 bagi tujuan pengurusan;
2. Sebanyak RM135,481,435.77 bagi peruntukan pembangunan;
3. Sebanyak RM17,110,937.00 bagi tujuan penyelenggaraan dan ubah suai bangunan/ pembaikan tanah;

- 51
4. Sebanyak RM180,176,500.00 bagi Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan;
  5. Sebanyak RM157,885,730.00 Kontrak Perkhidmatan Pembersihan; dan
  6. Sebanyak RM919,037.18 bagi peruntukan Harta Modal.

RJM61

**SOALAN ( 29 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 MAC 2018  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah keselamatan di kawasan perumahan PPR bagi mengelakkan kes kematian S. Sathirawan daripada berulang.

53

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menitik beratkan aspek keselamatan terhadap penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR), selain aspek kebersihan dan kediaman yang sejahtera kepada semua penghuni PPR. Untuk tujuan ini, sewal surat tawaran diberikan kepada semua bakal penghuni PPR, peraturan serta "*do's & don't's*" menduduki PPR telah dilampirkan bersama.

Penampalan notis berhubung peraturan di sekitar kawasan PPR juga turut dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan kerjasama penduduk tempatan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT dalam meningkatkan keselamatan di kawasan perumahan berkenaan turut dibantu oleh agensi-agensi Kerajaan lain seperti Polis Komuniti, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan juga Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Pihak KPKT sangat bersimpati dengan kes kematian S. Sathirawan. Bagi mengatasi supaya kes ini tidak berulang, KPKT sedang menyediakan '**Pelan Jangkamasa Panjang bagi Pengurusan PPR**'. Pelan ini tidak hanya tertumpu kepada meningkatkan kesedaran penghuni PPR tetapi juga untuk mengukuhkan lagi struktur organisasi PPR yang terlibat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018